

25/10/2003

Majlis berbuka puasa selepas mesyuarat MT

KUALA LUMPUR: Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob berkata, satu majlis berbuka puasa besar-besaran akan diadakan selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti itu minggu depan.

Majlis berbuka puasa itu, katanya, akan dihadiri semua ketua bahagian dan jawatankuasa bahagian seluruh negara.

"Kita anggarkan 3,000 orang akan menghadiri majlis berbuka puasa bersama

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat MT 30 Oktober ini.

"Perdana Menteri juga akan bersembahyang tarawih bersama timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta semua ahli MT selain jemputan khas," katanya di sini semalam.

MT Umno itu adalah bagi mendengar amanat Presiden parti sebelum beliau bersara keesokan harinya.

Mengulas mengenai penubuhan jawatankuasa penaja di semua 190 bahagian Umno, Megat Junid berkata perkara itu tidak boleh dibincangkan dulu kerana

kebanyakan negeri belumewartakan kerusi baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

"Kita tak boleh namakan ahli jawatankuasa penaja selagi Dewan Undangan Negeri (DUN) di semua negeri mewartakan kerusi baru berkenaan. Ada beberapa negeri lagi belum berbuat demikian.

"Kalau kita mengumumkan juga nama senarai berkenaan sebelum peringkat negeri mewartakannya, ia menyalahi undang-undang," katanya.

Mesyuarat MT pada 31 Julai lalu memutuskan membubarkan jawatankuasa semua 165 bahagian Umno, Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri serta meletakkannya di bawah jawatankuasa penaja sehingga pemilihan parti tahun depan.